

Perkenal struktur harga ubat

Membolehkan pesakit mengetahui apa yang perlu dibayar

SHAH ALAM

Sudah tiba masanya struktur ketelusan harga ubat di peringkat pengguna di Malaysia diperkenalkan.

Ahli Jawatankuasa (AJK) Dasar Awam, Persatuan Farmaseutikal Malaysia, Azwar Kamarudin berkata, langkah itu perlu bagi membolehkan pesakit atau pengguna mengetahui apa yang perlu dibayar oleh mereka.

Menurutnya, pelaksanaan ketelusan harga di peringkat pengguna lebih penting sebelum sebarang

kawalan harga diputuskan oleh pihak yang berkenaan.

Katanya, di Malaysia, struktur rangkaian bekalan ubat sangat rumit kerana terdapat empat saluran untuk mendapatkan ubat iaitu hospital kerajaan, hospital swasta, klinik dan farmasi.

"Disebabkan empat saluran ini hal harga ubat yang kita perlu bayar berbeza-beza, sebagai contoh jika ada pesakit pergi ke klinik di Kota Damansara untuk beli ubat hari ini, harga ini yang dibayar olehnya.

"Hari yang lain, kita pergi ke farmasi untuk mendapatkan ubat yang sama, lain pula harganya. Sebab apa? Kerana tiada ketelusan harga pada peringkat pengguna.

"Ia berbeza apabila kita pergi ke restoran makanan segera yang sama tetapi di lokasi berbeza, kita tetap



Program Wacana *Sinar Harian* Siri 144 yang membincangkan tajuk Isu Harga Ubat Mahal: Siapa dan Apa Penentunya? menampilkan (dari kiri) Amin sebagai moderator dan panelis yang terdiri daripada Amrahi, Azwar, Zulkifli dan Mohamed Mansor berlangsung di Dewan Karangkraf, Shah Alam kelmarin.

dapat harga yang sama.

"Jadi, kenapa tidak untuk harga ubat? Inilah sebenarnya yang kita perlu beri perhatian," katanya pada program Wacana *Sinar Harian* Siri 144 yang membincangkan tajuk Isu

Harga Ubat Mahal: Siapa dan Apa Penentunya? di Dewan Kumpulan Media Karangkraf di sini kelmarin.

Turut menjadi panelis ialah Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi

Buang; Penolong Setiausaha Agung Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Zulkifli Mohamad dan Dekan Fakulti Farmasi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Profesor Dr Mohamed Mansor Manan,

manakala personaliti TV, Amin Idris sebagai moderator.

Azwar berkata, dengan adanya struktur carta harga ubat di semua saluran rantauan bekalan ubat, ia secara tidak langsung membolehkan pengguna mengetahui jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh mereka.

"Bagi pesakit, apa yang penting saya tahu apa yang saya bayar, kalau tidak puas hati, saya pergi ke klinik yang lain. Kalau saya tidak puas hati juga, saya buat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)," katanya.

Menurutnya, pengguna dan pesakit mempunyai hak untuk membuat pilihan bagi memastikan wang yang dikeluarkan setanding dengan rawatan yang mereka terima.

HARI : ..
TARIKH : ..
M/SURAT : ..
14/12/2019
12

Sinar
Sinar edara komuniti anda
In edition